

# Bukan mansuh tol serta-merta

Sinar Harian - 8/10/2019 m/s: 4

## Manifesto PH nyatakan usaha hapuskan tol dilakukan secara berperingkat

MOHD HAFIZ ISMAIL

PUTRAJAYA

**P**erdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menjelaskan kenyataan beliau mengenai Pakatan Harapan (PH) tidak berjanji menghapuskan tol sebagai merujuk kepada perkara enam dalam manifesto mereka iaitu ia tidak akan dilakukan secara serta-merta.

Berdasarkan kajian, katanya, kerajaan terpaksa berbelanja puluhan bilion ringgit untuk mengambil alih lebuhraya bertol serta-merta dan jika berjaya, tugas penyelenggaraan juga akan memerlukan dana yang besar.

“Apabila saya kata kita tidak janji hapus tol, saya merujuk kepada manifesto yang menyatakan ia tidak akan dilakukan serta-merta,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, manifesto PH mengandungi ayat berikut: “Kerajaan PH akan mengkaji semula semua perjanjian konsesi lebuhraya. Kami akan berunding untuk mendapatkan harga yang terbaik untuk mengambil alih



Dr Mahathir pada sidang akhbar di lobi Parlimen semalam.

setiap konsesi tol dengan matlamat akhir untuk menghapuskan kutipan tol secara berperingkat.”

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, PH tidak berjanji untuk menghapuskan tol dan perkara

tersebut dianggap sebagai sebahagian manifesto gabungan parti itu dan pihaknya terbawa-bawa

pandangan pembangkang.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan sebelum ini telah berhutang trilion ringgit dan ia perlu dibayar supaya Malaysia tidak mufliis.

“Pembayaran faedah hutang dan hutang pokok menelan berbilion ringgit. Apabila dibayar, dana kerajaan tidak mencukupi untuk pembangunan infrastruktur yang penting jika beban pembelian dan penyelenggaraan lebuhraya ditambah kepada operasi dan pembangunan kerajaan.

“Setelah dikaji, kerajaan tidak mampu melayan permintaan projek oleh rakyat jika dibebani dengan penyelenggaraan lebuhraya,” katanya.